

**FADHIL BIN ABDUL RAHMAN. (ED). (2018). GUGUSAN
SEMARANG PENINJAU: GUARDIAN OF THE FRONTIER.
KUALA LUMPUR: ROYAL MALAYSIAN NAVY SEA POWER
CENTRE. 174 PAGES. ISBN: 978-983-99615-4-6**

B.B.B. BEE

*Program Sejarah,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*

Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Corresponding author: baszley@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 15 Jun 2023 | Tarikh diterima: 15 Julai 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.2494>

Penulisan mengenai penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Laut China Selatan (LCS) khususnya dalam pembangunan Stesen Luar Pantai Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) yang mula dilaksanakan di awal akhir tahun 1970an adalah amat kurang. Penulisan dalam kalangan sarjana dan pengkajian pasca sedia ada di Malaysia adalah tertumpu kepada isu berkaitan dengan konflik diplomasi dan pertikaian tuntutan bertindih di kawasan Kepulauan Spratly. Manakala penonjolan penglibatan para veteran ATM melalui media sosial melalui penulisan dan foto blog serta *YouTube* khususnya yang mengenengahkan peranan dan sumbangan mereka adalah amat terhad aksesnya kepada umum hingga kini.

Justeru, melalui projek kajian dan penulisan yang dilaksanakan oleh sidang redaksi yang terdiri dari anggota TLDM maka buku bertajuk *Gugusan Semarang Peninjau: Guardian of the Frontier* berjaya diterbitkan pada tahun 2018 oleh pihak TLDM sendiri melalui Royal Malaysian Navy Sea Power Centre. Buku ini merupakan sebuah buku berformatkan “*coffee table book*” disampaikan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa English. Buku ini amat padat dengan maklumat berkaitan dengan sejarah kedaulatan Malaysia dalam lingkungan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) di LCS ke atas kumpulan pulau dan terumbu yang dikenali sebagai Gugusan Semarang Peninjau ataupun “*Malaysian Spratlys*”. Nama yang asing kepada kebanyakan masyarakat umum di Malaysia.

Buku ini terdiri dari tujuh bab dalam bentuk naratif pendek mengenai pembangunan penempatan kekal oleh Kerajaan Malaysia di GSP. Pada setiap teks disertakan foto lama, imej satelit dan peta yang berkaitan. Kebanyakan foto lama yang disertakan dalam buku ini sebelum ini hanya boleh diakses

dalam blog veteran TLDM dan TUDM yang perah terlibat dalam sepanjang kerja-kerja pembangunan di lima-lima fitur GSP khususnya Pulau Layang-layang. Melalui buku ini, sumber sejarah ini dihakciptakan demi menjaga dan memastikan sumber ini mempunyai kredibiliti yang tinggi sebagai rujukan masa depan.

Menariknya, diawal buku ini selain kata-kata aluan dari Perdana Menteri Ke-8 Malaysia, Menteri Pertahanan dan Panglima Tentera Laut, turut diselitkan petikan dari buku bertajuk “*Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*” (2012), Perdana Menteri Malaysia Ke-4, sebagai pemimpin utama Malaysia yang bertanggungjawab dalam usaha ke arah pemilikan dan kedaulatan serta kehadiran Malaysia di GSP berterusan. Petikan oleh Tun Mahathir ini menggambarkan satu keputusan yang cukup berani dan dilaksanakan oleh agensi kerajaan khususnya ATM, MKN dan JUPEM dalam keadaan yang mencabar dari segi persekitaran fizikal dan ketenteraan di kawasan LCS semasa tahun 1980an. Petikan ini merupakan jawapan kepada tanda tanya asas iaitu mengapa Malaysia membina penempatan kekal dan mempertahankan kedaulatannya di GSP.

Umumnya tiga bab yang menjadi tunggak kepada naratif buku ini padat mengandungi sejarah usaha Malaysia menuntut 5 fitur utama dalam GSP iaitu Pulau Layang-Layang, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani, Terumbu Siput dan Terumbu Peninjau. Bermula dari aktiviti penuntutan, pembinaan infrastruktur, stesen ketenteraan hinggalah kepada kehidupan harian para anggota ATM khususnya TLDM yang terlibat sejak dari tahun 1978 hingga 2017. Foto-foto yang disertakan merupakan saksi kepada penglibatan pelbagai golongan pangkat dan ATM khususnya TLDM tanpa mengira masa dan keadaan.

Dua bab akhir bertajuk “Pengikhtirafan” dan “Panggilan Pulau Layang-Layang” merupakan naratif dan foto khusus mengenai aktiviti masyarakat umum khususnya beberapa peristiwa istimewa yang melibatkan kunjungan tetamu penting pemimpin kerajaan Persekutuan dan Negeri. Begitu juga penglibatan agensi kerajaan dan swasta menerusi sektor, perikanan, pelancongan dan aktiviti sukan memancing. Pada bab akhir ini juga banyak diselitkan beberapa foto alam marin yang menjadi ikonik dan tarikan utama semula jadi Pulau Layang-Layang.

Dari segi bahasa penyampaian, buku ini amat mudah difahami oleh segenap golongan pembaca yang ingin mengenali GSP dan bagaimana Malaysia memperoleh serta mempertahankannya melalui pendekatan pendudukan berterusan. Penggunaan foto yang amat banyak dan sesuai merupakan teknik terpenting untuk membantu pembaca mendapat gambaran visual selain ayat-ayat yang ringkas. Hal ini adalah kerana, masyarakat umum Malaysia amat sedikit sekali berkesempatan untuk menjejakkan kaki di lima-lima fitur GSP ini. Ia adalah disebabkan oleh kos perjalanan dan penginapan yang mencecah RM10,000 seorang melalui penerbangan MASwing (harga sebelum pandemik COVID-19 yang ditawarkan oleh pengusaha resort pelancongan ini akan tetapi telah tidak beroperasi sejak tahun 2019 hingga tamat kontrak operasinya pada tahun 2023). Begitu juga sewaan kapal pemancing yang mencecah hingga RM30,000. Walaupun demikian akses ke semua fitur ini masih terikat kepada kelulusan dari Majlis Keselamatan Negara.

Justeru, meskipun buku ini didedikasikan kepada wira ATM atas keberanian dan kecekalan dalam mempertaruhkan nyawa demi membolehkan pembangunan Stesen Luar Pantai TLDM di lima fitur maritim dalam kawasan GSP. Buku ini juga merupakan sumber sejarah terpenting dalam sejarah pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara. Disamping itu agar masyarakat umum menyedari bahawa kepunyaan terhadap pemilikan GSP dan mana-mana wilayah serta fitur maritim Malaysia yang lain perlu dokongan non-militari dalam bentuk aktiviti penyelidikan, pelancongan bukan *insitu*, permuziuman dan pendidikan.